

Headline **Sekali cuba ATS bawa padah**  
Date **31 Dec 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **5**  
Article Size **274 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,382**  
PRValue **7,147**



# Sekali cuba ATS bawa padah

**DADAH** jenis Amphetamine Type Stimulant (ATS) dipercayai sesetengah pihak mampu membuatkan seorang pelajar menjadi pandai, pemandu lori dan nelayan menjadi kuat dan bertenaga serta pelayan serta pengujung kelab malam lebih mendapat kepuasan.

Berdasarkan kepercayaan itu, akui Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK, Prof. Mahmood Nazar Mohamed, pengguna ATS semakin meningkat.

"Kepercayaan ini hanya bertujuan untuk memperdayakan golongan-golongan tertentu dan apabila dipercayainya maka mereka akan terjerumus ke lembah kehancuran," katanya.

Tambah beliau, apa yang membuatkan ATS ini digemari oleh penagih dadah ialah kesan putus dadah yang lambat.

"Bayangkan jika hari ini anda mengambil dadah, kesannya hanya akan dirasakan sekitar dua minggu selepas itu.

"Oleh itu, ramai yang berpendapat bahawa mengambil ATS tidak mempunyai kesan dan bagi kesan yang dirasakan selepas dua minggu itu pula sering dikaitkan dengan kesakitan lain seperti terlalu kuat bekerja dan sebagainya," jelasnya.

Apa yang buruknya ialah apabila mereka mengalami *drug immune psikosis* iaitu kesan gangguan mental seperti halusinasi dan delusi.

"Disebabkan perkara seperti ini, seseorang itu akan mengubah tingkahlaku kepada ganas seperti membunuh dan mengelar leher dan kejadian seperti ini berlaku di mana-mana negara," jelasnya.

Untuk rawatan, ia akan lebih mencabar untuk merawat individu yang telah lama mengambil dadah ini sehingga sering mengalami kesan psikosis.

Bukan itu sahaja, jika seseorang penagih itu turut menghadapi penyakit kronik seperti tibi, hepatitis dan HIV, golongan ini lebih sukar dirawat kerana kebergantungannya pelbagai dan bukan hanya tertumpu kepada rawatan ketagihan tetapi juga rawatan penyakit lain.

Seperti yang diketahui, ATS tidak



**MAHMOOD NAZAR** (kanan) bertanya sesuatu kepada seorang bekas penagih yang mengikuti program rawatan dan pemulihan Agensi Antidadah Kebangsaan.

memberi kesan langsung sama seperti heroin dan ganja.

Sebelum ini, dalam kebanyakan kes ATS, pelakunya akan didakwa di bawah Seksyen 15(1) A tetapi kini mereka juga boleh didakwa bersama seksyen 16(1) A dan 16 (1) B Akta Dadah Berbahaya.

Sejak penguatkuasaan dilakukan Ogos tahun lalu, kes pengawasan dalam komuniti telah meningkat daripada 58 peratus kepada 77 peratus.

"Salah satu daripada usaha AADK adalah merancang kehidupan para penagih. Ini bermakna kita memberikan mereka garis panduan untuk menentukan kehidupan.

"Program terapi kerja adalah bertepatan dan melaluinya kita menyalurkan kemahiran mereka mengikut bidang tertentu seperti elektrik, jahitan dan sebagainya dan hasil kerjasama dengan Giat Mara melalui latihan, mereka (penagih) akhirnya mendapat pekerjaan," tegasnya.

Kata Mahmood, penawar yang paling berkesan adalah keluarga dan sehubungan itu, ibu bapa diingatkan jangan menjauhkan diri daripada anak-anak terutama apabila mengalami perubahan pada diri mereka.

Ibu bapa juga tidak boleh menyalahkan anak-anak sebaliknya awasi pergerakan mereka apabila melakukan sesuatu di luar amalan biasa. Paling penting ibu bapa perlu menjadi kawan kepada anak-anak terutamanya yang sedang meningkat remaja.

Ibu bapa juga diminta berwaspada jika anak mereka mula menghisap rokok dan mula menunjukkan tingkah laku ganjil.

Ini kerana gejala penagihan dadah biasanya bermula dengan tabiat merokok.

Jadi paling mudah untuk mengesan adalah daripada segi akademik, sekiranya tanda-tanda tersebut dikenal pasti, maka guru-guru, ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab dan memberi sepenuh perhatian kepada mereka.